

LKIM:P406/803/14 ()

28 Mei 2008

Pengarah Bahagian _____

Ketua Seksyen / Unit _____

Pengarah LKIM Negeri _____

Pengurus Kompleks _____

Pengurus Persatuan Nelayan _____

Pengurus Projek _____

Tuan/Puan,

PERTANDINGAN PIDATO DAN MENULIS ESEI KUALITI LKIM BAGI TAHUN 2008

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan LKIM akan menganjurkan satu Pertandingan Pidato dan Menulis Esei Kualiti LKIM bagi tahun 2008. Maklumat ringkas pertandingan adalah seperti berikut :

TEMA PIDATO / ESEI :

- 1) PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN DI LKIM
- 2) SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA
- 3) INTEGRITI ASAS KECEMERLANGAN

TARIKH TUTUP PENYERTAAN :

ESEI : 30 OGOS 2008

PIDATO : 30 JULAI 2008

PENYERTAAN:

TERBUKA KEPADA SEMUA KAKITANGAN LKIM

Keterangan lanjut mengenai pertandingan ini adalah seperti di dalam **Garis Panduan Anugerah Esei Kualiti Peringkat LKIM** dan **Garis Panduan Anugerah Pidato Kualiti Peringkat LKIM** seperti di Lampiran I (esei) dan Lampiran II (Pidato).

3. Sehubungan dengan itu, tuan / puan adalah diminta untuk memanjangkan perkara ini kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah penyeliaan tuan / puan untuk menyertai pertandingan ini.

4. Peserta yang berminat hendaklah melengkapkan **borang penyertaan** yang dilampirkan. Borang penyertaan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Kualiti pada / sebelum **tarikh tutup penyertaan**. Bagi peserta pertandingan esei, hendaklah mengemukakan bersama 5 **salinan esei (4 salinan bercetak dan 1 salinan disket / cd)** dan sekeping gambar berukuran passport, di alamat seperti berikut:

Urusetia
Jawatankuasa Pidato Dan Esei Kualiti LKIM Tahun 2007
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
KUALA LUMPUR
(u.p. **Puan Noraidar binti Ujang**
Seskyen Peperiksaan Dan Kompetensi)

5. Kerjasama tuan / puan dalam menjayakan program ini sangatlah dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

“PERTANIAN SUATU PERNIAGAAN”

Saya yang menurut perintah,



tt

(ISMAIL BIN ABBAS)

Pengerusi

Jawatankuasa Esei Dan Pidato Kualiti LKIM 2008

b.p. Ketua Pengarah LKIM



1. **Nama Penuh** : _____
2. **Jawatan** : _____
3. **Alamat** : _____

4. **No. Telefon** : _____
5. **Tajuk Pidato/Esei*** : _____
6. **Tarikh** : _____

*** Potong yang mana tidak berkenaan. Peserta hendaklah mengemukakan tajuk pidato / esei berdasarkan tema yang telah ditetapkan.**